



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

Jalan Tun Abdul Razak

80604 Johor Bahru

Johor Darul Ta'zim

Unit Pembangunan Bakat Murid, Sektor Pembangunan Murid

Telefon : 07-231 0000

Pengarah : 07-231 0198

Timbalan : 07-231 0191

Faks : 07-234 7132

Laman Web : <http://jpn.moe.gov.my/jpnjohor>

e-mel : jpn.johor@moe.gov.my

Telefon : 07-2311480/481 Faks : 07-2380742

Ruj. Kami : JPNJ. 600-3/4/11 Jld. 2 (63)

Tarikh : 23 Julai 2025

Guru Besar

Sekolah Rendah seperti di senarai edaran

Melalui,

Pegawai Pendidikan Daerah

Pejabat Pendidikan Daerah seperti di senarai edaran

Tuan,

JEMPUTAN KE PROGRAM INTEL GEEK KIDS JOHOR 2025

Dengan sukacita dimaklumkan bahawa pihak **Penang Science Cluster** akan menganjurkan **Program Intel Geek Kids Johor 2025** kepada sekolah rendah di empat (4) daerah di negeri Johor.

2. Untuk makluman tuan, program ini akan dijalankan secara bersemuka. Maklumat ringkas program adalah seperti berikut:

Tarikh : 20 dan 21 Ogos 2025 (Rabu dan Khamis)

Masa : 8.00 pagi hingga 5.00 petang

**Tempat : Dewan A9, Kolej Kediaman, UTHM Kampus Cawangan Pagoh,
Hab Pendidikan Tinggi, 84600 Panchor, Johor**

Urus setia program : Cik Aina Azureen di talian 013-5866101

Maklumat lanjut boleh dirujuk pada lampiran yang disertakan.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri Johor memohon jasa baik tuan untuk memaklumkan perkara ini kepada guru dan murid yang terlibat di bawah seliaan tuan seperti **(di senarai edaran)** untuk menghadiri program yang dianjurkan.

4. Pihak sekolah juga diingatkan supaya memastikan **aspek keselamatan murid** perlu diberi perhatian pada setiap masa dan mematuhi surat pekeliling ikhtisas dan garis panduan yang sedang berkuatkuasa. Pihak sekolah mestilah memastikan murid yang menyertai program berkenaan **telah mendapat keizinan** oleh ibu, bapa / penjaga masing-masing secara bertulis.

5. Pegawai kami, **Encik Mohd Faizal bin Sabtu**, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, JPN Johor di talian **07-2311493** atau email **faizal.sabtu@moe.gov.my** sedia membantu untuk maklumat lanjut. Kerjasama pihak tuan memberikan keutamaan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI MOHD KAMAL BIN AHMAD UNTONG)

Sektor Pembangunan Murid

b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Johor

Jabatan Pendidikan Negeri Johor

- s.k. 1. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Johor
2. Ketua Pegawai Eksekutif Penang Science Cluster

JEMPUTAN KE PROGRAM INTEL GEEK KIDS JOHOR 2025

SENARAI EDARAN:

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH BATU PAHAT

1. Guru Besar SK Seri Mulia
2. Guru Besar SK Setia Budi
3. Guru Besar SK Seri Nasib Baik
4. Guru Besar SK Seri Bunut
5. Guru Besar SK Setia Jaya

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH KLUANG

1. Guru Besar SK Bandar Paloh
2. Guru Besar SK Bukit Tongkat
3. Guru Besar SJKC Yu Ming
4. Guru Besar SK Pekan Layang-Layang
5. Guru Besar SJKT Ladang Simpang Renggam

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH MUAR

1. Guru Besar SK Kota Raja
2. Guru Besar SK Panchor
3. Guru Besar SK Liang Batu Muar
4. Guru Besar SK Parit Setongkat
5. Guru Besar SK Bakri Batu 5

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH TANGKAK

1. Guru Besar SK Seri Ma'amor
2. Guru Besar SJKT Ladang Tanah Merah
3. Guru Besar SK Sialang
4. Guru Besar SK Pantai Layang
5. Guru Besar SK Bukit Banjar



Penang Science Cluster
Registration No. 201201030618 (1015105-A)
Wisma Yeap Chor Ee,
37, Gat Lebu China, Georgetown,
10200 Penang, Malaysia.
Mobile: +6012 6023039
Email: admin@pscpen.com
Website: www.pscpen.com fb.com/PenangScienceCluster

Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Johor,
Jalan Tun Abdul Razak,
80603,
Johor Darul Takzim.

22 Julai 2025

Tuan,

PERMOHONAN HEBAHAN DAN JEMPUTAN SEKOLAH RENDAH UNTUK MENYERTA PROGRAM *INTEL GEEK KIDS* JOHOR 2025

Penang Science Cluster (PSC) ialah syarikat yang tidak berasaskan keuntungan yang menjalankan pelbagai program berkaitan dengan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, dan Matematik). Objektif utama PSC adalah untuk mencetuskan minat pelajar terhadap STEM dan juga memupuk kemahiran berfikir aras tinggi serta kemahiran berfikir secara komputasional.

Selaras dengan objektif PSC, pihak PSC dengan sokongan Intel Malaysia ingin memohon kerjasama pihak JPN Johor untuk menghebahkan surat jemputan kepada pihak PPD di negeri Johor bagi menjemput sekolah-sekolah rendah dari **empat (4) daerah** berikut untuk menyertai program *Intel Geek Kids 2025*. Butiran program adalah seperti berikut:

Nama program	Intel Geek Kids Johor 2025
Tarikh	20 & 21 Ogos 2025
Hari	Rabu & Khamis
Daerah yang terlibat	Muar, Batu Pahat, Tangkak, Kluang (5 sekolah bagi setiap daerah)
Tempat	Dewan A9, Kolej Kediaman, UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Hab Pendidikan Tinggi, Pagoh, KM 1, Jalan Panchor, 84600 Panchor, Johor
Yuran	Percuma. Makan minum dan elaun pengangkutan guru akan disediakan

Intel Geek Kids 2024 ialah sebuah program yang direka khas untuk **pelajar sekolah rendah** yang **berumur 10 hingga 12 tahun**, terutamanya dari sekolah-sekolah di kawasan **luar bandar**, sekolah-sekolah yang **kurang atau tiada pendedahan kepada pendidikan STEM** dan sekolah-sekolah yang **menyertai program dan pertandingan STEM untuk kali pertama**. Objektif program ini adalah untuk memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai kemahiran teknikal dan *interpersonal* dan kemahiran-kemahiran ini kemudian akan digunakan oleh para pelajar dalam membina projek inovatif mereka sendiri. Para pelajar akan membentangkan projek inovasi mereka untuk dinilai dalam pertandingan inovasi dan kemudian dipilih untuk dipamerkan kepada orang ramai dalam pameran sains dan inovasi.

Untuk maklumat Tuan, program ini juga telah mendapat kebenaran daripada **Kementerian Pendidikan Malaysia** dan **JPN Johor**. Surat kebenaran dan maklumat terperinci mengenai program ini juga telah dikepilkan. Tiada bayaran atau yuran dikenakan terhadap sekolah, guru atau peserta. Penyertaan adalah **percuma**.

Untuk sebarang pertanyaan, pihak Tuan boleh menghubungi **Cik Aina (013-5866101)** atau aina.azureen@pscpen.com.

Dengan ini, kami berharap agar pihak Tuan dapat membantu pihak PSC melakukan hebahan dan jemputan bagi pihak PSC menjalankan program ini. Kerjasama dari pihak Tuan kami dahulukan dengan jutaan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



Dato' Ooi Peng Ee
Ketua Pegawai Eksekutif
Penang Science Cluster

LAMPIRAN A

1. Senarai daerah yang terlibat untuk program *Intel Geek Kids* Johor

Bil.	Daerah	Jumlah sekolah	Bilangan pelajar (bagi setiap sekolah)	Bilangan guru (bagi setiap sekolah)
1	Muar	5	6	2
2	Batu Pahat	5	6	2
3	Tangkak	5	6	2
4	Kluang	5	6	2
Jumlah Keseluruhan		20	6 x 20 sekolah = 120	2 x 20 sekolah = 40

2. Penyertaan Sekolah

- Penyertaan sekolah bagi program *Intel Geek Kids* boleh dibuat melalui pautan di bawah setelah pencalonan sekolah dibuat oleh pihak JPN Johor / PPD yang berkenaan.
- Pautan penyertaan : bit.ly/IGK-PendaftaranSekolah

3. Jadual Bengkel *Intel Geek Kids* Johor

Lokasi: Dewan A9, Kolej Kediaman, UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Hab Pendidikan Tinggi Pagoh, KM 1, Jalan Panchor, 84600 Panchor, Johor

Tarikh: Rabu, 20 Ogos & Khamis, 21 Ogos 2025

Masa: 8.00 pagi - 5.00 petang

Masa	Hari Pertama Rabu, 20 Ogos 2025
8.00 pagi - 9.00 pagi	Pendaftaran sekolah & Sarapan
9.00 pagi - 11.00 pagi	• Pengenalan Program Intel Geek Kids • Bengkel Penyelesaian Masalah
11.00 pagi - 1.00 petang	• Bengkel Teknologi : Pengenalan kepada Micro-bit
1.00 petang - 2.00 petang	Makan Tengahari, Solat & Rehat
2.00 pm - 4.30 petang	• Bengkel Pembentangan Projek • Taklimat Projek Inovasi Peringkat Negeri
4:30 petang	Bengkel tamat

Masa	Hari Kedua Khamis, 21 Ogos 2025
8.00 pagi - 8.45 pagi	Ketibaan sekolah & Sarapan
8.45 pagi - 9.00 pagi	Taklimat Pertandingan Inovasi Peringkat Negeri & Sesi bergambar
9.00 pagi - 12.00 tengahari	Sesi Pembinaan & Persiapan Projek Inovasi Peringkat Negeri
12.00 tengahari - 1.00 petang	Makan tengahari
1.00 petang - 4.30 petang	Pertandingan Inovasi <i>Intel Geek Kids</i> Peringkat Negeri • Pelajar akan dibahagi kepada beberapa kumpulan bagi proses penilaian projek inovasi kumpulan. • Pelajar akan solat dan rehat mengikut masa yang akan ditetapkan bagi setiap kumpulan. <i>**Kumpulan yang telah selesai sesi pembentangan prototaip dibenarkan pulang lebih awal bagi memberi peluang kepada sekolah-sekolah dari daerah yang jauh memulakan perjalanan pulang. Pengumuman finalis akan dikongsi melalui WhatsApp Guru IGK Johor.</i>
4:30 petang	Bengkel tamat

Nota Penting:

1. Guru pengiring diminta membawa pelajar yang terlibat ke lokasi bengkel menggunakan **kenderaan sendiri**. Pihak PSC akan memberikan **elaun pengangkutan** kepada guru yang terlibat. Terhad kepada **2 buah kereta** sahaja. Kadar elaun akan ditentukan oleh pihak PSC mengikut lokasi daerah masing-masing.
2. Makan minum pelajar dan guru pengiring akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak PSC sepanjang bengkel *Intel Geek Kids* Johor. Penginapan sekolah tidak akan disediakan.
3. Sekolah yang terlibat diminta untuk membawa **bahan kitar semula** (cth. kotak, botol plastik, kertas dll.) dan **alat tulis** (cth. marker, gunting, pita pelekat dll.) untuk digunakan semasa **Pertandingan Inovasi *Intel Geek Kids* Peringkat Negeri** pada **Khamis, 21 Ogos 2025**. Sila rujuk pada **Rajah 1** di bawah untuk mendapatkan gambaran pembinaan projek inovasi *Intel Geek Kids* 2025.



Rajah 1: Persiapan prototaip dan kertas pembentangan bagi Pertandingan IGK Peringkat Negeri

4. Setiap kumpulan hanya perlu memilih **satu tema** sahaja bagi pembinaan prototaip semasa Pertandingan Inovasi *Intel Geek Kids* Peringkat Negeri. Sila rujuk **Rajah 2** untuk mendapatkan senarai penuh tema pertandingan bagi tahun 2025.

Themes for IGK 2025



Rajah 2: Senarai tema bagi Pertandingan IGK Peringkat Negeri 2025

- Prototaip perlu dibina pada **hari kedua bengkel**, iaitu semasa Pertandingan Inovasi *Intel Geek Kids* Peringkat Negeri, dengan menggunakan bahan-bahan yang disediakan oleh pihak sekolah. Kumpulan yang membina prototaip lebih awal tidak akan diambil kira dan akan **disingkirkan daripada pertandingan**.